



**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM)
KEPONG, 52109 SELANGOR DARUL EHSAN**

Ruj Kami/ Our Ref: FRIM.500-3/2/1(13)
Ruj Tuan/ Our Ref:
Tarikh : 01 JULAI 2022

IKLAN JAWATAN KOSONG KUMPULAN PELAKSANA SIRI 1

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas yang berkelayakan bagi mengisi jawatan-jawatan berikut di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

1. (a) **JAWATAN :** **PEMANDU KENDERAAN GRED H11
(KEKOSONGAN DUA (2) JAWATAN)**
- (b) **PENEMPATAN:** **BAHAGIAN PENTADBIRAN**
- (c) **TARAF
JAWATAN :** **TETAP**
- (d) **JADUAL GAJI :** RM 1,218.00 (Minimum) – RM 2,939.00 (Maksimum)
- (e) **KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN :** RM 80.00
- (f) **IMBUHAN**
 - (i) Tetap Khidmat Awam : RM95.00
 - (ii) Tetap Perumahan : RM300.00
 - (iii) Bayaran Imbuhan Sara Hidup : RM350.00
- (g) **SYARAT LANTIKAN :**

Calon-calon bagi jawatan di atas hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

 - (i) Warganegara Malaysia;
 - (ii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (h) **KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED H11**
 - (i) Penaksiran Tingkatan Tiga/ Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
 - (ii) Lesen memandu Kelas *D/E/E1/E2/F/G/H/I* yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan
 - (iii) Berkebolehan memandu, mengendali dan menyelenggara kenderaan yang meliputi skim perkhidmatan ini.

Gaji permulaan Pemandu Kenderaan Gred H11 ditetapkan mengikut kelas lesen memandu seperti berikut:

• Lesen D	RM1,264.15
• Lesen E/E1/E2	RM1,310.30
• Lesen F/H	RM1,356.45
• Lesen G/I	RM1,402.60

(i) SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(j) PENGALAMAN BEKERJA

Keutamaan diberi kepada calon yang mempunyai lesen kelas E/F/H/G/I dan lesen vokasional (GDL atau PSV) bergantung kepada keperluan jabatan serta berpengalaman sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun dalam memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan jabatan/syarikat** (membuat pemeriksaan harian kepada semua peralatan/ aksesori).

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat melalui sistem permohonan jawatan dalam talian yang boleh diakses di laman sesawang Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Hanya permohonan yang dibuat melalui sistem permohonan dalam talian FRIM (<http://www.frim.gov.my/general-public/career-opportunities/>) akan diproses. Calon dikehendaki memuatnaik resume yang lengkap (kelayakan akademik, pengalaman kerja, gaji semasa dan gaji yang dipohon, gambar berukuran passport serta salinan sijil-sijil berkaitan) semasa membuat permohonan.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 22 JULAI 2022 (JUMAAT)

CATATAN AM

Hanya calon-calon yang layak sahaja akan dipanggil untuk menjalani proses saringan. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

No. Kotak:No. Dokumen: 10309376